

Ihsan martabat tertinggi ibadat

DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SELEPAS Allah s.w.t. memerintahkan supaya orang yang beriman bertakwa kepada Allah dan memberi gambaran betapa Allah sentiasa menolong orang yang bertakwa lantas Allah memerintahkan beberapa arahan yang lain kepada orang yang beriman. Antaranya *infaq fi sabilillah* dan jangan membinasakan diri di samping berihisan.

Dalam ayat yang berikut, al-Quran mengira keengganan untuk mengorbankan perbelanjaan Sabilullah itu sebagai perbuatan membinasakan diri sendiri yang dilarang melakukannya oleh orang-orang Islam:

Allah berfirman, *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.* (Al-Baqarah: 195)

Firman Allah s.w.t.: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah.* Ibn Kathir berkata: Kebinasaan dengan kekal bersama keluarga dan harta serta meninggalkan jihad.

Ini berdasarkan riwayat Abu Daud, al-Turmuzi, al-Nasa'ie, Abdun bin Hu-

TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

maid, Ibn Abi Hatim, Ibn Jarir, Ibn Marduyah, Abu Ya'la, Ibn Hibban dalam sahihnya dan al-Hakim di dalam *al-Mustadraknya*. Mengikut al-Turmuzi, hadis ini adalah hadis hasan sahih gharib. Al-Hakim berkata: Hadis atas syarat syaikhaini.

Ayat ini merupakan arahan untuk berinfaq *fi sabilillah* dalam semua perkara kebaikan dan ketaatan khususnya membelanjakan harta dalam melawan musuh. Serta menguatkan orang-orang Islam dan mengkhabarkan bahawa dengan meninggalkan perbuatan tersebut boleh membawa kemusnahan.

Sayid Qutub berkata: Keengganan membelanjakan ke arah *sabilillah* akan membinasakan jiwa seseorang dengan penyakit kikir dan membinasakan masyarakat Islam dengan kelemahan terutama dalam sistem hidup Islam yang ditegakkan atas semangat sukarela.

Kemudian al-Quran meningkatkan kaum Muslimin dari martabat *jidat* dan infak kepada martabat ihsan (membuat kebaikan dengan sebaik-sebaiknya).

Firman Allah: *Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan ber-*

sikap bakhil). Al-Mawardi berkata: Terdapat enam takrifan ayat ini:

i. Kamu meninggalkan nafkah *fi sabilillah* kemudian kamu binasa dengan dosa. Inilah pendapat Ibn Abbas dan Huzaifah.

ii. Kamu keluar bermusafir tanpa bekalan yang menyebabkan kamu merasa lemah. Inilah pendapat Zaid bin Aslam.

iii. Kamu berputus asa dari kesempurnaan ketika melakukan maksiat. Maka kamu tidak bertaubat. Inilah pendapat al-Bara' bin 'Azib.

iv. Kamu tinggalkan *jihad fi sabilillah* nescaya kamu binasa. Inilah pendapat Abi Ayyub al-Ansari.

v. Memasuki peperangan tanpa sebarang alat kelengkapan ketika bertemu musuh. Inilah pendapat Abi al-Qasim al-Balkhi.

vi. Ia umum kepada semuanya. Inilah pendapat Abi Ja'far al-Tabari.

Al-Alusi berkata: Ayat ini menjadi dalil bahawa haram melakukan sesuatu perkara yang boleh membawa kepada kebinasaan jiwa atau kemalangan. Justeru harus melakukan perdamaian dengan orang kafir atau penderhaka jika pemerintah bimbang keselamatan terhadap dirinya atau orang-orang Islam yang lain.

Sengaja

Al-Sonhadji berkata: Adapun maksud janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan di sini, ada terdapat berbagai-bagai pendapat ahli takwil.

Sesetengahnya berkata: Di dalam perbelanjaan, jangan sampai melampau, membazir dan seumpamanya. Kerana yang demikian itu boleh membawa kebinasaan. Yang lain berkata: Janganlah enggan untuk mengeluarkan perbelanjaan, hingga melemahkan tenaga dan persiapan berjihad. Kerana dengan sebab kelemahan dalam segi ini, mudah bagi musuh membinasakan kamu.

Yang lainnya berpendapat: Jangan khuatir! Dengan sebab berbelanja untuk menunaikan haji, jihad dan yang seumpamanya, boleh menyebabkan kamu hidup di dalam kesempitan dan kesusahan. Tuhan akan menggantinya dengan pahala dan memberi rezeki yang segera. Oleh sebab itu, berbuat baiklah dan berbelanjalah kamu! Jangan membazir! Allah mengasihi orang yang berbuat baik dengan memberi pahala di atas kebaikannya.

Firman Allah s.w.t.: *Dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.* Terdapat tiga pandangan ulama

berkenaan ayat ini:

i. Dikehendaki dengan ihsan dalam menunaikan kefarduan. Inilah pendapat sebahagian sahabat.

ii. Hendaklah berihisan dan berbaik sangka dengan qadar. Inilah pendapat Ikrimah.

iii. Kembalilah dengan ihsan yang mereka tiada sesuatupun. Inilah pendapat Zaid bin Aslam.

Al-Alusi di dalam *Ruh al-Ma'ani* berkata: Dan berihisanlah kamu iaitu dengan kembali mengikut keperluan seperti juga kata Ikrimah. Sedangkan berihisan dengan *husnu zan* kepada Allah dengan cara mengelokkan segala amalan dengan melakukan ketaatan. Bahkan ini lebih utama dan Allah akan memberi pahala kepada mereka.

Martabat ihsan adalah martabat amalan ibadat yang paling tinggi dalam Islam dan ia telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: Ihsan itu ialah: Engkau membuat amalan ibadat seolah-olah engkau melihat-Nya dan jika engkau tidak dapat melihat-Nya maka dia melihat engkau.

Apabila jiwa seseorang telah sampai kepada martabat ini, maka dia akan melakukan segala ketaatan dan kebaktian dan akan meninggalkan segala maksiat dan akan bermuraqabah dengan Allah dalam segala perkara sama ada kecil atau besar dalam semua keadaan sama ada sulit atau terang.

Inilah kata-kata kesimpulan yang menamatkan ayat perang dan infak dan di sinilah al-Quran menyerahkan urusan jihad kepada diri seseorang supaya ia berjihad dengan semangat ihsan yang merupakan setinggi-tinggi martabat keimanan.

IKTIBAR DAN PENGAJARAN AYAT:

- Kewajipan bernafkah *fi sabilillah*. Apatah lagi dalam membangunkan institusi syiar Islam seperti masjid dan juga bantuan kepada mereka yang memerlukan.
- Hakikat sebenar mencampakkan diri ke lembah kebinasaan pada perkara-perkara yang dimurkai Allah.
- Berbaik sangka dengan Allah merupakan perkara yang wajib.

■ DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



IHSAN menjadikan manusia sentiasa merasakan segala perbuatan mereka adalah dalam pengetahuan dan penglihatan Allah. – Gambar hiasan